



## TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

Deputy Secretary General (Management)

## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ministry of Health Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

(78)

Telefon : 03-88832540  
Fax. : 03-88895303

Ruj. Kami: KKM.100-13/5/34 (1)  
Tarikh : 18 Januari 2019

### SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

### PELAKSANAAN AMALAN EKSA DO-IT-YOURSELF (DIY) DI JABATAN KESIHATAN NEGERI (JKN) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan, pihak MAMPU telah bersetuju dengan cadangan penetapan struktur pengauditan bagi persediaan pelaksanaan Amalan EKSA Do-It-Yourself (DIY) Kementerian Kesihatan Malaysia pada 3 Disember 2018 yang lalu dengan mengambil kira keperluan jumlah fasiliti dalam Kementerian beserta kekangan bilangan juruaudit yang sedia ada di peringkat Ibu Pejabat.
3. Pendekatan EKSA DIY yang diperkenalkan oleh MAMPU disarankan untuk dilaksanakan oleh semua agensi yang mendapat penarafan lima (5) bintang dalam penilaian Indeks Penarafan Bintang (SSR) bagi memastikan jabatan dan PTJ di bawah seliaan turut berada pada tahap prestasi yang baik setaraf agensi induk. Susulan daripada itu, pihak MAMPU telah bersetuju untuk membentarkan juruaudit Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk mengaudit Hospital dan Pejabat Kesihatan Daerah di bawah seliaan negeri masing-masing. Manakala bagi pengauditan di JKN, masih di bawah tanggungjawab juruaudit IPKKM.
4. Selaras dengan penilaian SSR pada tahun 2015, KKM telah diberikan penarafan 5 bintang oleh pihak MAMPU. Penilaian SSR secara DIY (Penilaian Kendiri) dijalankan mulai tahun 2018, di samping beberapa lagi inisiatif DIY yang perlu dilaksanakan mulai tahun 2017, misalnya inisiatif Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan *Mystery Shopping* yang perlu dilaksanakan sehingga ke peringkat Jabatan Kesihatan Negeri. Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Amalan EKSA Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2/2016, perkara 1.6 turut menyatakan bahawa pensijilan EKSA perlu dilaksanakan sehingga ke semua JKN. Sehubungan itu, semua JKN perlulah memastikan penyeragaman dalam melaksanakan Amalan EKSA DIY di JKN.

5. Bagi mana-mana JKN yang masih belum melaksanakan amalan EKSA, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk bersedia bagi pensijilan EKSA di JKN masing-masing sebelum Jun 2019. Setiap JKN diminta untuk menggunakan penetapan struktur bagi pengauditan seperti di **LAMPIRAN A** dan memuat turun **Garis Panduan Amalan EKSA IPKKM** yang boleh didapati di ruangan Maklumat Terkini Portal Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)). Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan boleh e-melkan kepada Unit Inovasi ([inovasi@moh.gov.my](mailto:inovasi@moh.gov.my)) atau menghubungi pegawai yang berikut :

- i. Puan Siti Anisah binti Abdul Rafie  
Ketua Penolong Setiausaha (Inovasi & Protokol)  
Tel : 03 8883 3685  
E-mel : [anisah.rafie@moh.gov.my](mailto:anisah.rafie@moh.gov.my)
- ii. Puan Mazratul Adzfifi binti Abdul Rashid  
Penolong Setiausaha (Inovasi & Protokol)  
Tel : 03 8883 3056  
E-mel : [mazratul@moh.gov.my](mailto:mazratul@moh.gov.my)

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam menjayakan pelaksanaan Amalan EKSA DIY di peringkat JKN ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

( DATO' HAJI HASNOL ZAM ZAM BIN HAJI AHMAD )  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

